

No. Rujukan : ANM/SPP/M/5/2Jld.4(19)

Tarikh : 13 Ogos 2015

**PANDUAN PEMBAYARAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)
BAGI TERIMAAN SECARA *e-PAYMENT***

1. TUJUAN

Memberi panduan kepada Pusat Tanggungjawab dan Pejabat Perakaunan berhubung tatacara pembayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dikenakan ke atas caj perkhidmatan bank dan ejen kutipan Kerajaan bagi terimaan secara *e-Payment*.

2. PENGENALAN

2.1 Selaras dengan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762] yang berkuat kuasa mulai 1 April 2015, semua perolehan kerja, perkhidmatan perunding dan perkhidmatan bukan perunding adalah dikenakan GST.

2.2 Perkhidmatan yang diberikan oleh bank atau ejen kutipan Kerajaan bagi terimaan secara *e-Payment* adalah tertakluk kepada kenaan GST pada kadar standard daripada jumlah caj perkhidmatan yang dikenakan.

3. PELAKSANAAN

3.1 Invois Cukai

3.1.1 PTJ hendaklah memastikan bank atau ejen kutipan Kerajaan yang mengenakan GST kepada Kerajaan mengeluarkan invois cukai yang mengandungi maklumat kenaan GST.

3.1.2 Sebagai alternatif kepada invois cukai, bank atau ejen kutipan Kerajaan boleh menggunakan Penyata Bulanan sebagai invois cukai dengan kebenaran daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia selaras dengan Seksyen 33(3)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762].

3.2 Pembayaran GST bagi Terimaan Hasil

3.2.1 GST dan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh bank atau ejen kutipan Kerajaan bagi setiap transaksi *e-Payment* adalah ditanggung oleh Kerajaan.

3.2.2 Mekanisma pembayaran GST yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- a) Bank atau ejen kutipan Kerajaan dibenarkan untuk menolak terus GST daripada transaksi *e-Payment* harian; atau
- b) Bank atau ejen kutipan Kerajaan dibenarkan untuk menolak jumlah terkumpul GST bagi sesuatu bulan daripada jumlah kutipan *e-Payment* terakhir bulan tersebut; atau
- c) PTJ membuat pembayaran melalui baucar bayaran berdasarkan invois cukai yang dikeluarkan oleh bank atau ejen kutipan Kerajaan mengikut tempoh tertentu.

3.2.3 PTJ hendaklah memastikan bank atau ejen kutipan Kerajaan menyerahkan amaun bersih kepada Kerajaan dengan menolak caj perkhidmatan dan GST daripada amaun kasar yang diterima oleh Kerajaan kecuali bagi mekanisma pembayaran seperti di perenggan 3.2.2(c).

3.2.4 PTJ hendaklah memastikan bank atau ejen kutipan Kerajaan menunjukkan butiran GST yang dikenakan kepada Kerajaan di Laporan Urusniaga Harian yang disediakan.

3.2.5 PTJ hendaklah mewujudkan butiran GST di Laporan Terimaan Harian yang dijana daripada portal agensi Kerajaan.

3.3 Pembayaran GST bagi Terimaan Bukan Hasil

3.3.1 GST beserta caj perkhidmatan yang dikenakan oleh bank atau ejen kutipan Kerajaan ke atas transaksi *e-Payment* adalah ditanggung oleh pelanggan.

3.3.2 Bank hendaklah menyerahkan amaun kasar yang dibayar oleh pelanggan kepada Kerajaan tidak termasuk caj perkhidmatan dan GST yang ditanggung oleh pelanggan.

4. PROSEDUR PERAKAUNAN

4.1 Amaun kasar bagi pungutan hasil perlu diakaunkan sebagai terimaan Kerajaan manakala caj perkhidmatan dan GST diakaunkan sebagai perbelanjaan.

4.2 Pembayaran GST akan menggunakan kod objek perbelanjaan yang sama dengan caj perkhidmatan bank atau ejen kutipan Kerajaan, iaitu:

i) Kod 29135 – bagi bayaran GST kepada bank, atau

ii) Kod 29136 – bagi bayaran GST kepada ejen kutipan Kerajaan.

4.3 PTJ hendaklah menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi menanggung GST dan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh bank atau ejen kutipan Kerajaan.

- 4.4 PTJ hendaklah menyediakan Penyata Pemungut berdasarkan amaun yang dipindahkan dari Akaun Terimaan Kecil Perbendaharaan ke Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan yang dinyatakan di Laporan Urusniaga Harian atau Penyata Bank.
- 4.5 Penyata Pemungut bagi terimaan hasil perlu menunjukkan amaun kasar terimaan, jumlah caj perkhidmatan dan GST yang dikenakan dan amaun bersih. Contoh perekodan di Penyata Pemungut adalah seperti di **Lampiran A**.
- 4.6 Penyata Pemungut bagi terimaan bukan hasil hanya perlu menunjukkan amaun terimaan tanpa mengambilkira caj perkhidmatan dan GST yang dibiayai oleh pelanggan.
- 4.7 Baucar Bayaran bagi pembayaran GST hendaklah dipertanggungkan di bawah objek perbelanjaan seperti di perenggan 4.2.
- 4.8 Tatacara perakaunan terperinci hendaklah dirujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 13 Tahun 2014 (Tatacara Perakaunan Terimaan Kerajaan Persekutuan).

5. PENUTUP

Pusat Tanggungjawab dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan arahan ini dipatuhi. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini boleh dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Disediakan oleh:

Bahagian Khidmat Perunding
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Lampiran A

Contoh Perekodan Penyata Pemungut

1. Berikut adalah transaksi terimaan pada 4 Mei 2015.

Terima daripada	Cara Bayaran	Amaun (RM)	Caj Perkhidmatan (RM)	GST (RM)	Amaun Bersih (RM)	Kod Hasil
Individu A	Kad Kredit	200.00	200.00 X 1.8% = 3.60	3.60 x 6% = 0.22	196.18	74201
Individu B	Kad Kredit	500.00	500.00 X 1.8% = 9.00	9.00 x 6% = 0.54	490.46	74202
Jumlah		700.00	12.60	0.76	686.64	

2. Bank membuat pindahan wang berjumlah RM686.64 ke Akaun Terimaan Utama Pejabat Perakaunan setelah menolak caj perkhidmatan dan GST yang dikenakan kepada Kerajaan.
3. Perekodan Penyata Pemungut adalah seperti berikut:

KERAJAAN MALAYSIA PENYATA PEMUNGUT										(Kew. 305E-Pind. 1/2007)	
										Muka Surat: /	
Tahun Kewangan xxxx											
Jenis Urusniaga			Pej . Perakaunan			No. Penyata Pemungut			Tarikh Penyata Pemungut		
xx			xxxx			xxxxxx			dd/mm/yyyy		
Jab		xxx		Jabatan xxxxx							
PTJ/PK		xxxxxx		xxxxxxxxxxxx							
Kod Pembayar											
Kod Panjar											
Jenis Pungutan		D = Pungutan diperakaunkan sahaja									
Tempoh Pungutan		Dari:		04/02/2014		Hingga:		04/02/2014		Tarikh diterima oleh bank	
										dd/mm/yyyy	
PUNGUTAN DIMASUKIRA KE DALAM AKAUN-AKAUN DI BAWAH											
Bil	Vot	Jab	PTJ/PK	Prog/Akt	Amanah	Projek	Setia	CP	Objek	Amaun (RM)	Kod Kegunaan Jab
Perihal Am											
1.		xxx	xxxxxx						74201	200.00	
HASIL xxxxxxxx											
2.		xxx	xxxxxx						74202	500.00	
HASIL xxxxxxxx											
	BXX	xxx	xxxxxx	xxxxxx					29135	(13.36)	
KOMISEN BANK BAGI PUNGUTAN HASIL SECARA e-PAYMENT											
Jumlah										686.64	Jumlah Bil. Subsidiari

Nota : RM13.36 adalah jumlah caj perkhidmatan bank dan GST